

Vaksin COVID-19: CITF jalin kerjasama bersepadu jayakan program imunisasi - Khairy

Hasimi Muhamad

Februari 17, 2021 14:48 MYT



Menurut Khairy, CITF telah mengadakan mesyuarat pertama mereka pada 16 Februari yang lalu bagi memperincikan penyelarasan bidang tugas, struktur kerja dan perancangan keseluruhan PICK. - Gambar fail

PUTRAJAYA: Pasukan Pengurusan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) akan bekerjasama secara bersepadu dengan pelbagai kementerian dan badan kerajaan bagi memastikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dapat dilaksanakan dengan kemas, lancar dan teratur.

Menteri Teknologi, Sains, dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaluddin berkata pasukan CITF yang diketuai oleh beliau sendiri itu akan



Berita Berkaitan

Lagi



MALAYSIA

Masjid di Perlis dibuka sepenuhnya bermula esok



MALAYSIA

0:55

Banteras Rasuah | Pemimpin parti politik ditahan, SPRM rampas wang



MALAYSIA

2:44

Politik Tempatan | Tiga penjuror, senario alah bias tegal biasa



MALAYSIA

2:52

Kes Rasuah | Apa nasib Rosmah Mansor?



MALAYSIA

1:12

Isu PdPR | Lewat hantar tugas gara-gara internet lemah

Berita Terkini

Lagi

membuat pelaporan kepada Jemaah Menteri.

Selain itu, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Datuk Dr. Chong Chee Keong dan Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Mohammad Ab Rahman turut dilantik untuk menyelia pasukan tersebut.

“Sementara itu, Majlis Keselamatan Negara (MKN), MOSTI dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula akan bertindak sebagai urus setia CITE.

“CITE telah mengadakan mesyuarat pertama mereka pada 16 Februari yang lalu bagi memperincikan penyelarasan bidang tugas, struktur kerja dan perancangan keseluruhan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

“Dalam mesyuarat tersebut, MKN telah membentangkan kertas kerja berkaitan Pusat Kawalan CITE di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah serta mekanisma penyelarasan yang menghubungkan pelbagai peringkat ini,” katanya di sini pada Rabu.

Beliau berkata demikian dalam sidang media secara maya ketika mengumumkan penubuhan pasukan khas itu.

Mengulas lanjut, Khairy yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan berkata menerusi CITE, perkhidmatan kesihatan yang merangkumi pelbagai bidang tugas akan akan diselaraskan dengan perkhidmatan bukan kesihatan.

Selain itu, Khairy berkata Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) juga akan terlibat sepanjang Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan berlangsung.

BISNES

MALAYSIA

MALAYSIA

MALAYSIA

MALAYSIA

Ringgit dibuka tinggi sedikit berbanding dolar AS pagi ini

Masjid di Perlis dibuka sepenuhnya bermula esok

Rasuah projek hibrid solar: Rosmah diarah bela diri

COVID-19: N. Sembilan dan Sarawak catat kebolehjangkitan tertinggi

Kerajaan negeri perlu keluar arahan henti aktiviti korek pasir Sungai Kelantan

**Dapatkan
berita terkini
melalui emel
anda**




Emel Anda

DAFTAR

BACA: Ikuti perkembangan berita terkini vaksin COVID-19. Klik di sini.

BACA: Kerajaan dalam rundingan untuk dapatkan vaksin J&J - Khairy



[SIDANG MEDIA] Pasukan petugas khas imunisasi

#Khairy Jamaluddin #vaksin #COVID-19
#Kementerian Kesihatan #Majlis Keselamatan Negara #KKM
#program imunisasi #suntikan vaksin #CITF #PICK

[POLISI PRIVASI](#) [TERMA PENGGUNAAN](#) [PELABUR](#)

© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.